

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO  
KAWASAN : PUCHONG**

**SOALAN:**

**YB. TUAN GOBIND SINGH DEO** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kutipan tol untuk Lebuhraya LDP untuk tahun 2013 sehingga 2017 dan sama ada jumlah-jumlah bayaran tol akan dinaikkan atau dikurangkan untuk sektor ini dalam lima (5) tahun yang akan datang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol Lebuhraya LDP bagi tahun 2013 sehingga tahun 2016 adalah berjumlah RM1,229.31 juta. Pecahan jumlah kutipan tol adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kutipan Tol (RM Juta)</b>
2013	280.04
2014	284.79
2015	303.54
2016	360.94
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,229.31</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perjanjian Konsesi, kadar tol bagi Lebuhraya LDP sepatutnya diselaraskan pada 1 Januari 2016. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah menangguhkan kenaikan tersebut. Pada masa kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menurunkan kadar tol bagi lebuhraya LDP memandangkan ianya akan memberikan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari masa ke semasa akan meneliti opsi-opsyen yang lebih praktikal untuk meringankan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuhraya

Sekian, terima kasih.